

18 JAN 1996

Yong-Sabah Air

SABAH KAJI SEMULA PENYERAPAN SABAH AIR DALAM SAEAGA AIRLINES

KOTA KINABALU, 18 Jan (Bernama) -- Sabah akan mengkaji semula sama ada hendak menyerapkan keseluruhan atau sebahagian daripada perkhidmatan udara Sabah Air Sdn Bhd ke dalam Saeaga Airlines, sebuah syarikat penerbangan serantau terbaru negara.

Pemangku Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee hari ini berkata ada baiknya jika Sabah Air dikekalkan sebagai entiti berasingan memandangkan ia mempunyai tanggungjawab sosial terhadap penduduk negeri ini.

"Ketika ini kita sedang meneliti pelbagai pilihan. Dulu kita memang berhasrat menyerapkan Sabah Air ke dalam Saeaga Airlines tetapi sekarang kita kena pertimbangkannya semula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah kompleks Wawasan Plaza di sini.

Yong yang juga Menteri Kewangan negeri berkata antara yang sedang diteliti ialah sama ada sebahagian sahaja dari Sabah Air akan diserapkan ke dalam Saeaga Airlines.

Sebelum ini kerajaan negeri mengumumkan penyerapan sepenuhnya Sabah Air ke dalam Saeaga Airlines yang akan memulakan operasinya hujung bulan ini.

Saeaga Airlines merupakan usahasama Ekran Berhad yang memiliki 20 peratus saham, dengan kerajaan Sabah dan Sarawak yang masing-masing memegang 40 peratus ekuiti.

Saeaga Airlines dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Nov tahun lepas.

Yong berkata tidak ada jaminan perkhidmatan sosial Sabah Air dapat diteruskan sekiranya ia diserapkan sepenuhnya dalam Saeaga Airlines. Perkhidmatan sosial Sabah Air antara lain ialah menerbangkan paramedik ke kawasan terpencil yang tidak mempunyai kemudahan pusat kesihatan.

Mengenai nahas helikopter Bell 412 SP Sabah Air pada 29 Nov tahun lepas, Yong berkata Sabah Air telah membuat laporan kepada kerajaan negeri mengenai apa yang berlaku, termasuk penemuan beberapa bahagian pesawat itu.

Katanya laporan siasatan mengenai punca nahas itu telah diserahkan kepada Jabatan Penerbangan Awam manakala beberapa bahagian tubuh manusia yang ditemui dalam operasi mencari selama kira-kira sebulan telah dihantar ke Kuala Lumpur untuk ujian DNA.

Helikopter berkenaan yang membawa 10 orang termasuk dua anak kapal menemui nahas beberapa minit sebelum dijadualkan mendarat di pelantar minyak Samarang, kepunyaan Petronas Carigali Sdn. Bhd di perairan Labuan.

Hanya enam mangsa berjaya ditemui dalam gerakan mencari berkenaan termasuk juruterbang Kpt Chong Kam Foo dan lima juruteknik Petronas Carigali.

Mereka yang tidak ditemui ialah pembantu juruterbang Laurence Abbie, dua juruteknik Petronas Carigali Tay Guan Soon dan Arrifian Suhaili serta rakyat Filipina Vincente Rico yang bekerja dengan Sikom, sebuah syarikat swasta yang membekal tenaga mahir kepada perbadanan petroleum negara itu.

-- BERNAMA